

08 APR 1997

Cuba-Lawat

MENTERI LUAR CUBA LAWAT MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Menteri Luar Cuba, Roberto Robaina Gonzalez akan tiba di sini esok untuk melakukan lawatan rasmi lima hari, menurut Kementerian Luar.

Sejurus selepas ketibaannya, Robaina, yang akan diiringi beberapa pegawai kanan kerajaan, akan melawat Taman Teknologi di Bukit Jalil, menurut kementerian itu dalam satu kenyataan hari ini.

Pada hari Khamis, Robaina akan melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sebelum itu, beliau akan menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau akan juga mengunjungi Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, yang mengetuai satu rombongan pemimpin Barisan Nasional melakukan lawatan kerja lima hari ke Cuba Februari lepas.

Robaina akan juga menemui ahli-ahli perniagaan Malaysia dan menyampaikan ucapan bertajuk "Cuba: Cabaran-cabaran Untuk Mempertahankan Kedaulatan, Pembangunan dan Kemerdekaannya" di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Robaina, yang sedang dalam rangka lawatan ke negara-negara Asia, akan mengunjungi rakan sejawatannya Datuk Abdullah Ahmad Badawi pada hari Jumaat sebelum berlepas ke Brunei pada hari Ahad.

Malaysia dan Cuba tidak mempunyai hubungan diplomatik tetapi lawatan Mohamed ke negara itu dalam tugas rasminya sebagai setiausaha agung Barisan Nasional mungkin membuka laluan bagi hubungan yang lebih erat dan mesra.

Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan, Tun Daim Zainuddin juga melawat Cuba pada tahun lepas. -- BERNAMA

ZAB AKD